



SECARA MAYA: Antara peserta Seminar Psikologi Borneo Kali Pertama 2021 secara maya.

FPP UMS Jayakan Seminar Psikologi Borneo

UB 26.09.2021 P.05

Oleh Yap Siong Han

KOTA KINABALU: Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menjayakan Seminar Psikologi Borneo Kali Pertama 2021 (BorneoPsy2021) secara maya baru-baru ini.

Bertemakan 'Kesejahteraan Psikologi Dalam Komuniti Borneo', seminar itu diadakan bertujuan sebagai platform kepada para penyelidik, pensyarah, pelajar, pengamal, profesional dari pelbagai bidang psikologi dan sains kemanusiaan untuk membentang dan membincang hasil penyelidikan, bertukar idea serta berkongsi pengalaman mereka mengenai pelbagai aspek psikologi khususnya psikologi berkenaan peribumi di Borneo.

Seminar yang berlangsung selama dua hari itu menghimpunkan seramai 102 peserta universiti awam dan swasta serta dari institusi lain di seluruh Malaysia.

Pada hari pertama, sejumlah 60 kertas kerja hasil kajian yang telah dijalankan dalam pelbagai bidang Psikologi Sosial, Psikologi Industri dan Organisasi, Psikologi Perkembangan, Psikologi Kaunseling, dan Psikologi Pendidikan telah

dibentangkan oleh para peserta.

Kertas kerja peserta yang terpilih juga akan diterbitkan dalam buku prosiding seminar dan dalam buku 'Psikologi Masyarakat Borneo'.

Selain itu, turut berlangsung ucapnama bertajuk Pandemik COVID-19 dan Kesihatan Mental: Isu dan Cabaran yang disampaikan oleh Profesor di Fakulti Perubatan Universiti Malaya, Dr. Low Wah Yun, dan ucapnama bertajuk Cultural and Familial Aspects of Anxiety in Children and Adolescents: Implications for Prevention yang disampaikan oleh Profesor di Jabatan Psikologi, University of Roehampton, London, United Kingdom, Prof. Dr. Cecilia A. Essau.

Hari kedua seminar berkenaan diadakan sesi pengenalan Persatuan Psikososial Sabah (PPS) yang baru ditubuhkan dan telah diluluskan pendaftarannya oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Negeri Sabah pada 18 Ogos lalu.

Ditubuhkan sebagai satu pertubuhan profesional bukan kerajaan (NGO), persatuan itu adalah atas usaha dan inisiatif beberapa orang ahli psikologi dari pelbagai bidang psikologi di FPP UMS, dengan Prof. Madya Dr.

Chua Bee Seok dilantik sebagai Pengerusi Persatuan, manakala, Timbalan Pengerusi ialah Dr. Getrude Cosmas, dan Prof. Dr. Murnizam Hj. Halik dilantik sebagai penasihat PPS.

Matlamat penubuhan persatuan itu antara lain bagi menggalakkan perkongsian ilmu dan kepakaran, memperkenalkan dan mengembangkan ilmu psikologi, menjalankan penyelidikan dan menghasilkan penerbitan, menjalankan program komuniti, memberi bantuan dana pendidikan kepada pelajar Borneo terpilih dalam bidang psikologi, dan mewujudkan kerjasama dengan badan kerajaan dan NGO dalam usaha untuk membangunkan komuniti di Sabah dan rantau Asia.

Justeru, PPS mengalu-alukan penyertaan orang ramai dalam persatuan berkenaan bagi menyumbang kepada perkembangan bidang psikologi dan memberi khidmat kepada masyarakat.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkenaan persatuan ini boleh e-mel kepada persatuanpsikososialsabah@gmail.com dan jika berminat menjadi ahli kepada persatuan, sila isi borang keahlian persatuan pada pautan: <https://forms.gle/ad7zSpThBzKEaECc7>